

RAKAN MUDA TEMAN REMAJA



Yakin Boleh Gemilang!

oleh
AMIRUL
SYAFIQ AZMAN

PROGRAM Rakan Muda telah dilancarkan pada 29 Oktober 1994 oleh Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Program Rakan Muda merupakan program pembangunan sosial khusus untuk generasi muda yang menggabungkan aktiviti pembangunan minda, kecergasan fizikal dan pembangunan rohani secara bersepadu bagi melahirkan belia bertanggungjawab, bebas daripada pengaruh dan perlakuan negatif, serta berupaya menyumbang secara produktif kepada negara.

Matlamat program Rakan Muda ialah melahirkan generasi muda yang dinamik, prihatin dan mahir. Program Rakan Muda cukup penting bagi pembangunan karakter anak muda di negara ini. Walau bagaimanapun, suasana program Rakan Muda kini kurang menonjol berbanding dengan tahun awal sewaktu dilancarkan. Hal ini demikian kerana gerakan promosi yang dilakukan pada 14 tahun itu begitu hebat, iaitu dalam tempoh tiga bulan selepas pelancaran, lebih kurang satu juta orang anak muda negara ini mendaftar untuk menyertai program Rakan Muda. Namun begitu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak mampu memenuhi kehendak mereka yang mendaftar kerana banyak kekangan yang berlaku, terutama dalam soal kewangan, bilangan pegawai, rakan kongsi dan sebagainya.

Semenjak dilancarkan, program Rakan Muda telah melalui empat fasa: fasa pengenalan, fasa pembangunan, fasa pemantapan dan fasa pengembangan. Melalui fasa pengenalan, program itu berjaya menampilkan kesedaran dan minat kepada remaja mengenai aktiviti yang ditawarkan di bawah pelbagai gaya hidup Rakan Muda. Di bawah fasa pembangunan, pelaksanaannya memberikan tumpuan terhadap pengisian program dengan lebih menjurus kepada kandungan dan kurikulum serta sistem pelaksanaan yang lebih berkesan dengan memberikan tumpuan terhadap masalah sosial remaja seperti melepak, bohsia

dan bohsia. Bagi fasa tiga atau fasa pemantapan pula, program Rakan Muda telah disusun semula dengan memfokuskan pendekatan pelaksanaannya mengikut sektor utama pelaksanaan.

Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan liputan pelaksanaan program dan keberkesanan pembudayaan gaya hidup Rakan Muda. Di samping itu, pendekatan ini akan memberikan peluang penglibatan masyarakat yang maksimum dan dengan cara itu, meningkatkan sokongan masyarakat terhadap program Rakan Muda. Fasa pengembangan pula ialah kesinambungan kepada ketiga-tiga fasa terdahulu dengan memberikan penekanan pada penstrukturan aktiviti yang lebih dinamik. Pada peringkat ini, remaja didekatkan dengan



Melalui fasa pengenalan, program Rakan Muda berjaya menampilkan kesedaran dan minat kepada remaja.



orientasi organisasi atau perubahan.

Remaja digalakkan memainkan peranan memimpin dan seterusnya menerajui kelompok kecil masyarakat. Setelah 13 tahun dilaksanakan, mulai tahun 2007, program Rakan Muda memasuki fasa penjenamaan semula. Fasa ini menyediakan program baharu mengikut cita rasa dan peredaran trend semasa bagi mencapai matlamat dan wawasan Rakan Muda. Sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 29 Mei 2007, Rakan Muda Fasa II mengorak langkah lebih agresif dalam usaha melakukan pemantapan terhadap pendekatan dan pengisian aktiviti.

Program Rakan Muda Fasa II berbeza daripada program asal kerana menggunakan pendekatan pembangunan komuniti setempat. Dalam Program Rakan Muda Fasa II berlaku satu transformasi daripada fokus individu kepada fokus komuniti selaras dengan pendekatan pembangunan Komuniti Belia dalam melaksanakan program Rakan Muda. Transformasi program Rakan Muda ialah satu pendekatan yang diambil oleh KBS untuk menjadikan program pembangunan belia lebih pragmatik dan dinamik.

Transformasi ini penting kerana negara kita menuju ke arah negara yang makmur dan dinamik, maju, dalam tempoh 50 tahun akan datang. Gerakan yang perlu dilakukan mesti selaras dengan misi nasional, Wawasan 2020 dan selepas itu.

Penyusunan semula juga bertujuan memberikan lebih kekuatan terhadap program tersebut selaras dengan kehendak dan cita rasa generasi muda, selain menggalakkan belia Melayu, Cina dan India mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dapat menyatukan mereka. Yang lebih menarik mengenai Rakan Muda Fasa II ini ialah sembilan gaya hidup yang diperkenalkan sebelum ini dikurangkan menjadi tujuh gaya hidup yang telah disusun mengikut kesesuaian.

Gaya hidup tersebut ialah Rakan Masyarakat, Rakan Kecergasan, Rakan Cinta Alam, Rakan Wajadiri, Rakan Wirausaha (dahulu Rakan Wirausaha dan Wira Mahir), Rakan Seni Budaya dan Rakan Inovasi (menggantikan Rakan Reka Cipta). Gaya hidup Rakan Sukan digugurkan dan Rakan Rekreasi digabungkan



Masyarakat juga meletakkan harapan besar supaya program ini menjadi landasan untuk belia remaja mengasah bakat mereka dalam pelbagai bidang.

bersama Rakan Kecergasan. Antara program baharu yang dilaksanakan ialah Rakan Muda Jiran Muda, Rakan Muda Wawasan Desa serta penubuhan Kelab Rakan Muda Wawasan Desa di setiap kawasan Dewan

Undangan Negeri dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dilantik sebagai mentor kelab dan program Sukarelawan Rakan Muda.

Rakan Muda turut memperlihatkan kerjasama KBS dengan kementerian lain dalam melaksanakan program mengikut gaya hidup. Bagi menentukan program Rakan Muda dilaksanakan dengan berkesan, program ini perlu mempunyai rakan kongsi yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu.

Program Rakan Muda dilaksanakan mengikut gaya hidup tertentu kerana sesetengah kementerian mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk membangunkan belia. Antara kementerian yang terlibat ialah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam Gaya Hidup Seni Budaya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam Rakan Cinta Alam, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dalam Rakan Inovasi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam Rakan Wirausaha.

Program Rakan Muda perlu disemarakkan semula agar dapat menarik minat belia remaja di semua peringkat menyertai program ini. Masyarakat juga meletakkan harapan besar supaya program ini menjadi landasan untuk belia remaja mengasah bakat mereka dalam pelbagai bidang. 📌

oleh IMUDA

